

NO SOALAN : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

**TARIKH : 13.11.17
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meringankan beban kenaikan kos sara hidup dan langkah-langkah yang diambil untuk menjaga kebajikan anggota-anggota tentera berpangkat rendah.

91

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan warga ATM secara keseluruhannya. Dalam menjaga kebajikan warga ATM, pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan melalui teras kebajikan Kementerian Pertahanan, antaranya yang melibatkan perumahan, pendidikan, kesihatan dan kos sara hidup, bagi memastikan kelestarian dan kesejahteraan warga serta veteran ATM sentiasa terjamin. Antara usaha dan inisiatif yang dilaksanakan meliputi perkara-perkara berikut:

1. Penambahbaikan Skim Perkhidmatan ATM;
2. Pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan rumah mampu milik dengan kerjasama kerajaan negeri, swasta dan tanah milik anggota;
3. Menaiktaraf kemudahan pendidikan untuk anak-anak warga ATM;
4. Penambahbaikan fasiliti, kemudahan dan perkhidmatan kesihatan ATM;
5. Penambahan kuota haji bagi warga ATM; dan

6. Pengoperasian Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) di kem-kem ATM yang menawarkan harga yang lebih rendah bagi barangan terpilih kepada Warga ATM dan Veteran ATM sehingga 30% dari harga pasaran.